

# **PENGUASAAN KATA NAMA KANAK-KANAK BERUMUR 3 HINGGA 5 TAHUN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

*NOUN PROFICIENCY AMONG 3 TO 5 YEAR OLDS DURING THE COVID-19  
PANDEMIC*

**Nora'Azian NAHAR<sup>1</sup>**

**Nurul Jamilah ROSLY<sup>\*2</sup>**

<sup>1,2</sup>Jabatan Bahasa Melayu,

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari (KSTCL), Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia, Pagoh, Malaysia.

<sup>1</sup>[noraazian@iium.edu.my](mailto:noraazian@iium.edu.my)

<sup>\*2</sup>[nuruljamilah@iium.edu.my](mailto:nuruljamilah@iium.edu.my)

Corresponding Author\*

*Received: 13<sup>th</sup> December 2023*

*Accepted: 26<sup>th</sup> March 2024*

## **ABSTRAK**

Kanak-kanak generasi kini yang sememangnya kurang berminat bertutur menggunakan bahasa Melayu kesan pendedahan kepada media digital sepanjang pandemik COVID-19. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti penguasaan golongan kata nama dalam bahasa Melayu bagi kanak-kanak dan menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan perkataan dalam bahasa Melayu semasa tempoh Kawalan Pergerakan (PKP). Seramai tujuh orang kanak-kanak yang berumur antara 3 hingga 5 tahun dipilih secara rawak sebagai subjek kajian. Empat daripada tujuh subjek kajian telah ke sekolah tadika sebelum PKP dan bakinya belum pernah menjejakkan kaki ke prasekolah. Pengkaji menggunakan 50 keping kad gambar kata nama am untuk memperoleh data. Data disokong dengan pandangan daripada ibu atau bapa kanak-kanak melalui temu bual berstruktur yang dijalankan secara dalam talian. Skor markah dan maklumat temu bual ditranskripsi dan dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan purata penguasaan bahasa Melayu subjek kajian adalah peringkat rendah. Dua orang subjek kajian memperoleh skor tahap tinggi, manakala dua orang subjek kajian memperoleh skor tahap sederhana dan tiga orang subjek kajian pada skor tahap rendah. Subjek kajian yang belum pernah ke prasekolah didapati dapat menyebut perkataan kata nama dengan baik, namun subjek kajian yang pernah ke sekolah mendapat skor sebaliknya. Dapatan menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa pertama berlaku secara semula jadi dan dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Implikasinya, kanak-kanak akan terpengaruh dengan bahasa yang kerap didengarnya melalui pertuturan seharian dan di media massa. Faktor dwibahasa turut menyumbang kepada faktor penggunaan bahasa rojak. Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memartabatkan bahasa kebangsaan negara ini agar kanak-kanak generasi Alpha menghargai bahasa kebangsaan mereka.

**Kata kunci:** penguasaan; kata nama; kanak-kanak; COVID-19; Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

## ABSTRACT

The current generation of children, who are already disinterested in speaking Malay, face the effects of exposure to digital media during the COVID-19 pandemic. Hence, this study aims to identify the mastery of noun groups in the Malay language among children and elucidate the factors that could have impacted it during the Movement Control Order (MCO). Seven children between three and five were randomly selected as respondents. Four had attended kindergarten before the MCO, whereas the remainder had never been sent to school. A total of 50 common nouns were utilised to test the children to obtain data, which was then supported by structured interviews with parents online. The scores and information from the interviews were transcribed and analysed. Findings showed that the average level of language proficiency is low. Two respondents were considered high achievers, two intermediate and three low. However, respondents who never went to school could pronounce the nouns fluently compared to those who did. In addition, the first language acquisition was found to have occurred naturally, and environmental factors also influenced their proficiency. The implication is that children could be influenced by the language they often hear in everyday speech or mass media. Bilingualism also contributed to the mixing of languages. More studies could be done to dignify the national language so that the Alpha generation would appreciate it better.

**Keywords:** mastery; nouns; children; COVID-19; Movement Control Order (MCO)

## Pengenalan

Penguasaan bahasa merupakan kemampuan atau keupayaan kanak-kanak menggunakan bahasa dengan cekap dan mahir. Kecekapan menggunakan bahasa itu meliputi empat kemahiran, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran lisan diperoleh secara semula jadi oleh penutur bahasa pertama, manakala penutur bahasa kedua perlu mempelajari kemahiran-kemahiran tersebut. Kemahiran membaca dan menulis pula dikuasai melalui proses pembelajaran, sama ada pembelajaran formal atau tidak formal. Pembinaan perbendaharaan kata amat penting bagi perkembangan bahasa kanak-kanak jika kanak-kanak tidak mempunyai perbendaharaan kata yang besar, agak sukar bagi mereka untuk bercakap apatah lagi untuk berbual panjang. Dengan adanya himpunan kosa kata yang banyak, kanak-kanak lebih berkeyakinan untuk berbual ataupun membincangkan sesuatu perkara. Kanak-kanak juga memerlukan model bahasa untuk menyerap, memproses dan seterusnya menggunakan kosa kata dalam pertuturan mereka (Blamey & Beauchat, 2023).

Kajian lanjut perlu dijalankan berkaitan dengan tahap kecergasan fizikal dan tahap kesihatan mental kanak-kanak semasa peralihan fasa pandemik ke endamik. Hal ini disebabkan akibat penutupan sekolah, pergerakan fizikal dihadkan dan program serta aktiviti sukan dibatalkan ekoran pandemik telah meningkatkan kadar pengurangan penglibatan dalam aktiviti fizikal secara aktif dalam kalangan kanak-kanak. Hubungan antara persekitaran tertekan menjadi salah satu sebab peningkatan kurang penguasaan bahasa terutamanya bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak (Wan Norsaidatina Hasma Wan Nawang et al. 2021). Penilaian yang tepat bagi perkembangan awal kanak-kanak merupakan tugas yang mencabar. Kebanyakan pengkaji menjelaskan kesukaran untuk mendapatkan keputusan yang sah apabila menilai kanak-kanak kerana perkembangan mereka cepat, episodik, dipengaruhi oleh pengalaman, keadaan emosi dan kriteria pentaksiran. Penilaian bagi awal kanak-kanak berbeza dengan penilaian orang dewasa kerana mereka masih belum menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis sepenuhnya. Dalam kajian ini, Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Normal menjadi sumber untuk dirujuk. Jadual 1 menunjukkan perkembangan bahasa dan pertuturan normal kanak-kanak yang berumur antara 3 hingga 5 tahun (Khadijah Khalid, 2021).

**Jadual 1***Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Normal*

Umur	Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak
3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh bercerita.</li> <li>• Membuat ayat tiga hingga empat perkataan. Contohnya “Adik nak bola”, “Hadiah ini untuk mama”, dan lain-lain.</li> <li>• Perbendaharaan kata kira-kira 1000 patah perkataan.</li> <li>• Mengetahui nama penuh, nama jalan dan beberapa buah lagu kanak-kanak.</li> </ul>
4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menyanyikan lagu.</li> <li>• Boleh membuat ayat empat hingga lima patah perkataan. Contohnya, “Kereta papa besar dan cantik”.</li> <li>• Menggunakan perkataan yang merujuk kepada perkara lepas. Contohnya menggunakan perkataan “semalam”.</li> <li>• Mengenal pasti warna dan bentuk.</li> <li>• Bertanya soalan menggunakan kata tanya seperti kenapa dan siapa.</li> <li>• Boleh bercakap mengenai sesuatu yang abstrak atau yang berlaku pada masa depan. Contohnya, “Saya berharap ...”.</li> <li>• Menyebut huruf-huruf berikut dengan betul, iaitu /b/, /d/, /f/, /g/, /h/, /m/, /n/, /ng/, /t/, /w/, dan /y /</li> </ul>
5 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menuturkan ayat yang penuh dan berstruktur dengan lima hingga lapan perkataan dalam pertuturan.</li> <li>• Bertanya tentang maksud perkataan yang anda gunakan, jika mereka tidak mengetahuinya.</li> <li>• Sedikit pelat apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf /s/.</li> <li>• Berdebat dengan orang dewasa dan menggunakan perkataan “sebab” dengan kerap.</li> <li>• Membandingkan objek, orang dan lain-lain perkara yang berada di sekeliling. Contohnya, “Tangan awak lebih besar daripada tangan saya”.</li> <li>• Mula menyedari sesetengah perkataan mempunyai lebih daripada satu maksud.</li> <li>• Memahami sesetengah jenaka yang diujarkan oleh orang lain.</li> </ul>

Jadual 1 menunjukkan Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Normal. Berdasarkan jadual ini, didapati kebanyakan kanak-kanak belum dapat bercakap atau menghasilkan perkataan bermakna dan mempunyai perbendaharaan kata yang terhad. Contohnya, mereka tidak boleh mengikuti arahan yang diberikan pada peringkat umurnya. Jika anak-anak tidak mengikut julat perkembangan bahasa dan pertuturan yang normal, ibu bapa sepatutnya mempunyai alasan yang kukuh untuk risau dan mula mencari pakar terapi pertuturan bahasa bagi mendapatkan bantuan.

Setiap bayi yang telah lahir ke dunia ini sudah memiliki keupayaan khusus untuk berbahasa yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk lain. Teori Chomsky (1970) ini dikenali sebagai Hipotesis Nurani. Krashen (1985) pula menyatakan pandangan yang berbeza tentang pemerolehan bahasa dengan pembelajaran bahasa. Beliau menggunakan istilah pemerolehan untuk bahasa pertama dan bahasa kedua. Dengan kata lain, Krashen (1985) menyatakan bahawa proses pemerolehan bahasa pertama dan bahasa kedua dipelajari secara bawah sedar. Krashen menjelaskan dalam pemerolehan bahasa, seseorang tidak menyedari bahawa mereka sedang mempelajari bahasa, tetapi mereka hanya menyedari bahawa mereka sedang berkomunikasi. Dengan kata lain, pemerolehan bahasa

berlaku ketika seseorang sedang berkomunikasi secara semula jadi tanpa memikirkan rumus-rumus bahasa. Proses ini berbeza dengan pembelajaran bahasa yang merupakan proses untuk memahami struktur atau sistem bahasa kedua.

Pandangan Krashen (1985) ini bertepatan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam kajian ini kerana bahasa Melayu dipelajari secara formal, tetapi dalam situasi pandemik COVID-19, kanak-kanak belajar sendiri bahasa Melayu dengan bantuan keluarga yang sibuk dengan urusan kerja dan pribadi. Tambahan pula, ibu bapa mereka sendiri tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Anak-anak mereka hanya mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah dan semasa berkomunikasi dengan guru-guru dan juga rakan-rakan yang berbangsa Melayu. Dalam kajian ini, pemerolehan kata nama dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun didapati mudah disebut kerana ia bersifat konkrit dan boleh dipadankan dengan objek yang terdapat di dapur, ruang tamu dan sekeliling rumah. Keadaan ini berbeza dengan pemerolehan kata-kata lain yang bersifat abstrak seperti kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Pada masa yang sama, situasi ini menyebabkan subjek kajian menamakan objek yang terdiri daripada kata nama dengan menggunakan bahasa Inggeris. Berdasarkan kajian rintis, pengkaji mendapati kanak-kanak ketika pasca pandemik ini menamakan kereta sebagai *car*, betik sebagai *papaya* dan kata nama sebagai *aeroplane*.

Penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak dilihat mencabar seiring dengan perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut. Pentaksiran yang tidak formal dan tidak menggunakan prosedur yang standard menyebabkan kriteria penilaian kemahiran literasi awal adalah tidak seragam dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, tahap kemahiran literasi awal yang dinilai dalam pentaksiran tidak formal pula kekurangan maklumat berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan apabila dijalankan (Lonigan et al., 2011). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti petanda awal kelenyapan bahasa Melayu pada masa akan datang. Pengkaji-pengkaji akan datang perlu mengambil inisiatif dan mencari cara terbaik supaya kanak-kanak generasi Alpha mencintai bahasa Melayu. Usaha ini pasti kecundang jika generasi *Baby Boomers*, Generasi X, Generasi Y dan Generasi Z sendiri mengabaikan penggunaan bahasa Melayu.

Juppri Bacotang et al. (2021), mendapati kaedah ujian atau peperiksaan formal dalam menilai pencapaian kanak-kanak (PAKK) adalah tidak diiktiraf. Pendapat ini disokong oleh Wortham & Hardin (2023) yang menyatakan bahawa penilaian bagi awal kanak-kanak berbeza dengan penilaian orang dewasa. Hal ini disebabkan mereka masih belum menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis sepenuhnya. Keadaan bertambah buruk lagi kerana sepanjang PKP kanak-kanak terpaksa duduk di rumah. Mereka hanya dibimbing oleh ibu bapa atau ahli keluarga yang tidak mahir dengan ilmu pendidikan awal kanak-kanak. Dapatkah ibu atau bapa anak-anak yang rata-rata bukan guru atau tidak mempunyai kepakaran pedagogi menilai kemahiran membaca anak-anak mereka di peringkat awal kanak-kanak?. Ibu bapa perlu menyediakan aktiviti pengukuhan atau intervensi yang bersesuaian terhadap anak-anak mereka lebih awal sehingga tamat PKP. Dengan cara ini diharapkan pihak ibu bapa dapat membantu anak-anak mereka mengurangkan masalah buta huruf sepanjang dua tahun PKP berlangsung.

Sistem pendidikan juga telah berubah akibat pelaksanaan PKP. Kanak-kanak tidak dapat ke sekolah dan pembelajaran terpaksa dijalankan secara dalam talian. Kajian yang telah dijalankan oleh Nora'azian Nahar dan Nurul Jamilah Rosly (2022) mendapati bahawa program guru cilik yang diperkenalkan oleh pihak sekolah kepada anak-anak masyarakat Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Kampung Bahru (SPKK) Lenga, Muar Johor berkesan dalam meningkatkan penguasaan bacaan. Murid-murid kelas pemulihan di sekolah tersebut telah berjaya menguasai kemahiran membaca walaupun ibu bapa mereka kebanyakannya buta huruf. Vygotsky (1971) turut menyatakan orang

dewasa memainkan peranan pada peringkat awal pembelajaran awal kanak-kanak, di samping pengaruh rakan sebaya yang ada di persekitaran mereka.

Kesan berganda psikologi terhadap kanak-kanak akibat kuarantin yang dijalankan di rumah semasa pandemik dan endemik COVID-19 yang lalu telah menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada situasi tertekan seperti ketakutan dijangkiti penyakit, kekecewaan, kebosanan, beban maklumat yang berlebihan dan perubahan drastik dalam corak aktiviti harian (Brooks et al., 2020). Selain itu, perkembangan kognitif kanak-kanak melalui keupayaan berfikir, menaakul dan penyelesaian masalah juga turut terjejas akibat PKP. Tahap perkembangan kognitif yang dimiliki kanak-kanak ini masih lagi dalam peringkat penyelesaian pemikiran secara logik, tetapi belum mencapai kepada peringkat membuat hipotesis. Secara tidak langsung, perkembangan kognisi akan memberikan kesan positif. Ibu bapa sebagai pembimbing sepanjang PKP perlu melihat kepada penguasaan bahasa dan pengetahuan melalui karakteristik. Hal ini boleh menyebabkan kanak-kanak lebih bersedia dan boleh menguasai tugas yang diberikan oleh guru-guru semasa kelas dijalankan secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif yang berikut, iaitu menganalisis penguasaan golongan kata nama bahasa Melayu kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### Sorotan Literatur

Levin & Opsahl (2020) mengkaji tahap penguasaan bahasa Inggeris di Norway mendapati bahawa bahasa yang diperoleh oleh kanak-kanak melalui media sosial akan lebih kerap digunakan berbanding dengan bahasa yang dipelajari secara formal di dalam kelas. Kanak-kanak tersebut akan mengembangkan kefahaman mereka melalui interaksi dengan kandungan yang terdapat dari platform yang digunakan terutamanya kandungan berbahasa Inggeris. Kajian Azirah Ibrahim et al. (2023) pula mendapati kanak-kanak generasi kini telah mengalami perubahan besar kesan penggunaan peranti digital dalam masyarakat moden. Penggunaan gajet telah memberikan implikasi yang positif dan negatif terhadap perkembangan sosial pendidikan awal kanak-kanak termasuk penguasaan kata, klausa, frasa dan ayat.

Bahasa kanak-kanak juga diperoleh melalui peniruan bahasa lisan yang diujarkan oleh ibu bapa atau individu yang berada rapat dengan mereka. Dapatan kajian Mhd Amn Arshad & Vijayaletchumy Subramaniam (2006) mendapati *role reversal imitation* merupakan strategi peniruan tukar ganti peranan dalam *usage-based theory* yang diketengahkan oleh Tomasello (2003). Hasil kajian mendapati bahawa konsep peniruan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak pada peringkat umur 0-6 tahun pada mulanya agak sedikit, kemudian meningkat dengan agak pesat pada akhir usia dua tahun. Peniruan akan mula merosot sedikit demi sedikit pada usia seterusnya. Faktor-faktor yang mempengaruhi dapatan tersebut juga dinyatakan oleh Syaprizal (2019) dari Indonesia. Pengkaji mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak pada usia tersebut adalah disebabkan oleh kanak-kanak yang ingin menguasai bahasa kedua boleh mempelajarinya serentak dengan bahasa pertama. Hal ini disebabkan faktor persekitaran yang merupakan faktor terpenting bagi pemerolehan bahasa pada kanak-kanak yang berusia 0 hingga 6 tahun. Hal ini kerana faktor biologi dan kognitif kanak-kanak masih berkembang dan mereka mudah menguasai bahasa yang sering didengari daripada individu yang berkomunikasi di persekitaran mereka. Ketika mereka sedang menguasai bahasa, berlaku penambahan dan pengurangan pengucapan kata. Walau bagaimanapun, perkara merupakan situasi yang positif dan akan bertambah baik seiring dengan waktu sehinggalah kanak-kanak mencapai kematangan segi biologi dan kognitif.

Kajian Siti Arina Badli dan Suziyana Mohamed (2021) meneliti tentang hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak di tabika. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak dalam aspek bahasa komunikasi dengan dapatan sebanyak 26%. Hal ini menunjukkan bahawa dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak, wujud hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak. Dapatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan individu terawal yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak terutamanya dalam aktiviti membaca dan menulis. Sokongan yang diberikan oleh ibu bapa secara langsung memberikan impak positif kepada perkembangan bahasa kanak-kanak. Sepanjang tempoh PKP, tugas guru di sekolah terpaksa diambil alih oleh ibu, bapa dan ahli keluarga di rumah. Kesan fenomena ini menyebabkan pengkaji menjalankan kajian terhadap kanak-kanak seawal usia 3 hingga 5 tahun.

Kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) telah menganalisis penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. Subjek kajian merupakan 25 orang kanak-kanak tabika yang dipilih secara rawak daripada empat buah tabika Kemas dan teori Relevans dengan gagasan konteks, kesan konteks dan kos proses telah digunakan untuk menganalisis makna ujaran kanak-kanak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keaburan dalam penggunaan kata ganti nama diri (KGND) "dia" dan "kita" dalam pertuturan kanak-kanak Melayu. KGND "dia" digunakan sebanyak 70.4% (95 daripada 135 ujaran) untuk merujuk orang ketiga [+manusia]. Dalam konteks relevan, KGND "dia" digunakan untuk merujuk benda bukan manusia [-manusia]. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya keaburan dalam penggunaan KGND "kita". "Kita" didapati lebih banyak digunakan sebagai KGND pertama mufrad, iaitu sebanyak 76.4% (110 daripada 144 ujaran). Dalam konteks yang sama, "kita" juga digunakan sebagai KGND pertama jamak, iaitu sebanyak 34 daripada 144 ujaran (23.6%). Walau bagaimanapun, keaburan makna yang wujud dalam penggunaan KGND "dia" dan "kita" mampu diatasi dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terkandung dalam teori Relevans. Kajian juga mendapati bahawa kanak-kanak Melayu mampu membina konsep daripada pemerhatian konteks dan kemudian menyatakannya melalui penggunaan kata bandingan semacam. Penggunaan kata bandingan semacam dalam pertuturan kanak-kanak Melayu menonjolkan tahap kematangan, kognisi, input pengalaman, alam persekitaran dan sosiobudaya penuturnya. Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa konteks berperanan penting dalam menetapkan makna bagi perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam pertuturan mereka.


Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain, PKP telah memberikan persekitaran yang negatif terhadap perkembangan kanak-kanak. Tugas guru di sekolah terpaksa diambil alih oleh ibu bapa di rumah. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan bahasa kanak-kanak, sama ada pengkaji dari dalam atau dari luar negara lebih berfokus kepada teori pemerolehan bahasa, tahap-tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak dalam pelbagai aspek tatabahasa fonetik, fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis sahaja. Kajian tersebut hanya mengkaji tahap dan proses perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak seawal usia kelahiran sehinggalah kanak-kanak mengalami tahap kecekapan pada usia 12 tahun. Bertitik tolak daripada kajian-kajian lepas, pandemik yang melanda dunia dan PKP yang dijalankan di Malaysia, pengkaji ingin mengkaji berkaitan penguasaan perkataan bahasa Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memfokuskan kepada golongan kata nama dan mengambil tindakan awal untuk mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak generasi kini.

## Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan berkaitan reka bentuk kajian, subjek kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan seterusnya berkaitan dengan reka bentuk kajian yang ditunjukkan melalui rajah di bawah, iaitu:

### Rajah 1

#### *Reka bentuk Kajian*



Rajah 1 menunjukkan reka bentuk kajian. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan melibatkan temu bual terhadap ibu atau bapa kanak-kanak yang dikenali sebagai subjek kajian 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Setelah penyelidik berbincang dan menetapkan masa untuk temu bual, penyelidik akan menghubungi ibu atau bapa kanak-kanak melalui platform seperti Google Meet, WhatsApp, Telegram, YouTube, Tik Tok, rakaman video dan panggilan telefon. Setelah masa temu bual dipersetujui oleh kedua-dua pihak, pengkaji akan menjalankan Ujian Pengecaman Gambar menggunakan platform Google Meet. Platform Google Meet dipilih supaya subjek kajian dapat memerhatikan dengan jelas gambar yang akan ditunjukkan oleh pengkaji dan menyebutnya dengan betul mengikut suku kata. Pengkaji akan menunjukkan gambar mengikut giliran. Pertama, penyelidik akan menunjukkan 10 gambar haiwan, 10 gambar benda, 10 gambar buah-buahan, 10 gambar sayur-sayuran dan 10 gambar kenderaan. Gambar yang betul sebutannya akan diberikan skor markah. Pengkaji juga mengumpulkan data kosa kata melalui video-video pendek yang dikongsikan oleh ahli keluarga mereka melalui laman sosial YouTube dan TikTok. Kesemua data-data tersebut dianalisis secara kualitatif dengan mentranskripsikannya, dianalisis dan dilaporkan dalam bentuk naratif.



## Subjek Kajian

Subjek kajian yang dipilih merupakan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur tiga hingga lima tahun. Subjek kajian dipilih secara rawak berdasarkan kriteria keupayaan bertutur dan maklum balas mereka semasa menjawab soalan kad imbasan yang ditunjukkan melalui pautan Google Meet. Jadual 2 merupakan profil kanak-kanak yang dipilih sebagai subjek kajian, iaitu:

### Jadual 2

#### *Profil Subjek Kajian*

Bil	Subjek Kajian	Jantina	Negeri Asal	Umur	Persekitaran
1.	Subjek 1	Perempuan	Pahang	4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Adik-beradik sudah berumur dalam lingkungan 20-an. Terdedah dengan persekitaran golongan dewasa.</li> </ul>
2.	Subjek 2	Lelaki	Kedah	4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai seorang abang kategori Orang Kelainan Upaya (Fizikal).</li> <li>Subjek diberikan telefon bimbit untuk menonton rancangan di YouTube.</li> </ul>
3.	Subjek 3	Lelaki	Johor	4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Didedahkan dengan bahasa Melayu dalam keluarga oleh ibunya.</li> </ul>
4.	Subjek 4	Perempuan	Melaka	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selalu terdedah dengan promosi perniagaan secara dalam talian</li> </ul>
5.	Subjek 5	Lelaki	Selangor	4 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tinggal dengan nenek.</li> </ul>
6.	Subjek 6	Perempuan	Kuala Lumpur	5 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersekolah di prasekolah swasta.</li> </ul>
7.	Subjek 7	Perempuan	Perak	5 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai seorang kakak yang berumur 11 tahun, seorang abang yang berusia sembilan tahun dan adik yang berusia 16 bulan.</li> </ul>

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengukur penguasaan perkataan kepada subjek kajian yang berumur 3 hingga 5 tahun ialah kad imbasan haiwan, buah-buahan, sayur-sayuran, benda dan kenderaan. Sebanyak 10 keping gambar mewakili setiap satu kategori telah dipilih untuk digunakan dalam Ujian Pengkategorian Gambar. Jumlah keseluruhan gambar yang digunakan dalam Ujian ini ialah sebanyak 50 keping. Ukuran bagi sekeping gambar yang digunakan ialah 15cm x 21.1cm. Pemilihan kad imbasan berdasarkan pendapat Herberg (2012), iaitu kad imbasan merupakan salah satu alat yang paling baik bagi membantu kanak-kanak dalam proses awal membaca. Hal ini disebabkan kad imbasan yang mempunyai imej yang jelas dan berwarna dapat menarik perhatian kanak-kanak.

Sebelum kajian sebenar dijalankan di lapangan, kad-kad imbasan yang terpilih telah diuji dalam kajian rintis. Seramai lima orang subjek kajian yang berumur antara 3 hingga 5 tahun dipilih dalam kajian rintis. Kajian rintis ini bertujuan untuk memilih gambar-gambar mengikut setiap kategori yang sesuai digunakan dalam kajian sebenar. Dalam Ujian Pengecaman Gambar sebenar, sebanyak tujuh orang subjek kajian lain telah dipilih secara rawak dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan juga telah disemak oleh tiga orang guru yang mengajar subjek bahasa Melayu di prasekolah. Hal ini bertujuan bagi memastikan instrumen kajian yang

digunakan dapat memenuhi piawaian bagi kanak-kanak tiga hingga lima tahun. Selain itu, instrumen kajian, juga telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ujian Pengecaman Gambar hanya memfokuskan penggolongan kata nama dalam bahasa Melayu. Berdasarkan justifikasi tersebut, pengkaji telah memilih kad imbasan keluaran Kiddibird sebagai instrumen kajian ini. Kad-kad imbasan tersebut diterbitkan oleh KIDDIBIRD SDN. BHD (350161-A) dan diedarkan oleh Kids Book Distributors Sdn. Bhd. (464660-V) (2010).

### **Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data**

Ujian Pengecaman Gambar dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Google Meet. Pengkaji akan menunjukkan gambar-gambar menggunakan kad imbasan mengikut kategori. Sebanyak lima kategori gambar telah disediakan di dalam Ujian Pengecaman Gambar, iaitu kategori haiwan, buah-buahan, sayur-sayuran, benda dan kenderaan. Kanak-kanak diminta untuk menyebut gambar-gambar yang ditunjukkan dengan sebutan yang betul menggunakan bahasa Melayu. Skor akan dikira berdasarkan sebutan suku kata yang betul dalam tempoh 60 saat masa yang ditetapkan. Jika sebutan subjek kajian tepat, maka skor akan dicatatkan di ruangan yang disediakan. Jumlah skor akan dianalisis dan dijumlahkan dalam bentuk peratus. Jumlah masa yang diambil bagi Ujian Pengecaman Gambar yang menggunakan 50 keping gambar adalah selama 50 minit. Subjek kajian diberikan masa selama 60 saat untuk menjawab setiap gambar yang ditunjukkan dalam ujian tersebut. Mereka boleh menjawab beberapa kali hingga jawapannya betul dalam tempoh masa yang diberikan. Masa menjawab bergantung kepada kemampuan subjek kajian, iaitu jika mereka boleh memberikan respons kepada gambar-gambar yang ditunjukkan lebih awal, masa yang diambil mungkin kurang daripada masa yang ditetapkan. Sebaliknya, jika subjek kajian lambat memberikan respons, pengkaji akan berbincang dengan ibu dan bapa mereka untuk mendapatkan masa yang berlainan. Walau bagaimanapun, data yang direkodkan sebagai jawapan yang betul hanya diambil sekali sahaja sehingga ahli keluarga mereka berpuas hati dengan keputusan ujian. Setelah tamat masa Ujian Pengecaman Gambar dilakukan, pengkaji akan menemubual ibu, bapa atau penjaga subjek kajian. Soalan secara separa berstruktur pula diajukan kepada mereka. Tiada had masa yang ditetapkan bagi menjawab soalan yang diajukan dan aplikasi WhatsApp, Telegram dan panggilan telefon digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat berkaitan profil subjek kajian dan maklumat tambahan.

### **Analisis Data dan Perbincangan**

Bahagian ini membincangkan berkaitan keputusan Ujian Pengecaman Gambar bagi perkataan golongan kata nama dan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Jadual di bawah menunjukkan keputusan Ujian Pengecaman Gambar, iaitu:

**Jadual 3***Keputusan Ujian Pengecaman Gambar*

Bil	Subjek Kajian	Kategori Kad Gambar					Jumlah	Peratus
		Haiwan	Benda	Buah	Sayur	Kenderaan		
1.	Subjek 1	10	8	8	4	9	39	78%
2.	Subjek 2	0	3	2	1	4	10	20%
3.	Subjek 3	0	5	5	3	5	18	36%
4.	Subjek 4	10	8	10	6	8	42	84%
5.	Subjek 5	4	8	4	1	8	25	50%
6.	Subjek 6	0	4	2	4	4	14	28%
7.	Subjek 7	3	4	4	1	4	16	32%

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan skor paling tinggi diperoleh sebanyak 84% (Subjek 4) dan skor paling rendah sebanyak 20% (Subjek 2). Peratusan markah yang diperoleh oleh lima subjek lain sebanyak 78% (Subjek 1), 50% (Subjek 5), 32% (Subjek 7), 36% markah (Subjek 3) dan 26% (Subjek 6). Dapatan kajian menunjukkan setiap subjek kajian dapat mengenali semua kategori gambar yang ditunjukkan dalam Ujian Pengecaman Gambar. Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang belum pernah ke prasekolah atau belum menguasai kemahiran membaca mereka menyebutnya dengan pelbagai bahasa. Kebanyakan subjek kajian akan menyebut gambar-gambar yang ditunjukkan menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Punjabi dan bahasa Mandarin. Subjek kajian yang berumur lima tahun sudah mengenal huruf. Namun, apabila ditunjukkan gambar tertentu, subjek kajian menyebutnya dengan sebutan yang tidak mengikut suku kata. Contohnya, *cendawan* menjadi *cadiwa*, *kubis* menjadi *kubi*. Buah *oren* menjadi *olen*, *manggis* menjadi *magis*, *selipar* menjadi *sipar*. Dapatan kajian yang bersifat luar jangka dengan skor paling tinggi diperoleh oleh Subjek 4 yang baru berumur tiga tahun dan belum pernah menjejakkan kaki ke prasekolah.

Hasil dapatan juga menunjukkan hanya Subjek 1 dan Subjek 4 yang berjaya mengecam gambar haiwan yang betul, iaitu ayam, anjing, arnab, gajah, ikan, kucing, kuda, kambing, monyet, dan udang. Seramai tiga orang subjek kajian tidak dapat menyebut nama-nama haiwan dalam bahasa Melayu. Bagi kategori benda, hanya tiga orang subjek kajian yang dapat mengecam dan menyebut gambar-gambar yang ditunjukkan. Gambar-gambar tersebut ialah seluar, selipar dan roti. Perkataan lain seperti bakul, biskut, cincin, lampu, vakum dan yoyo tidak dikenali oleh mereka. Bagi kategori buah pula, hampir semua subjek kajian mengenali buah-buahan seperti strawberi, betik, pisang dan mangga. Namun, bagi buah betik, subjek kajian lebih mengenalinya dengan nama *papaya* dan pisang sebagai *banana*. Bagi gambar mangga, semua subjek kajian menyebutnya sebagai *manggo*. Hanya Subjek 4 dapat menyebut semua nama buah dalam bahasa Melayu dengan betul, iaitu belimbing, tembikai, mangga, strawberi, jambu batu, oren, pisang, betik, rambutan dan jagung.

Bagi kategori sayur, tiada subjek kajian yang dapat menyebut semua jenis sayur dengan betul kecuali Subjek 4 yang dapat menyebut nama sayur dengan betul. Subjek 4 berjaya menyebut enam jenis sayur dengan betul, iaitu cendawan, tomato, timun, terung, bawang dan brokoli. Semua subjek menyebut lobak dengan sebutans *carrot*, timun dengan sebutan *cucumber*, kentang dengan sebutan *potato*, labu dengan sebutan *pumpkin*. Bagi gambar kubis, tiada subjek kajian yang dapat menyebutnya dengan betul kecuali Subjek 7. Subjek 7 boleh mengeja, tetapi sebutannya menjadi *kubi*. Kategori terakhir bagi ujian ini ialah kategori kenderaan. Subjek kajian dapat menyebut jenis-jenis kenderaan dengan betul, iaitu bas, basikal, helikopter, kereta, motosikal. Walau bagaimanapun, kapal terbang disebut sebagai *aeroplane*, kereta api dengan sebutan *train*, dan hanya Subjek 5 mengenali gambar jentolak. Subjek 1 mengujarkan perkataan bersifat baharu, iaitu perkataan yang

diciptanya sendiri untuk menggantikan perkataan asal jentolak dengan perkataan *angkut-angkut*, manakala subjek-subjek kajian lain tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Perbincangan seterusnya berkaitan dapatan penentuan tahap skor markah yang diperoleh subjek dalam Ujian Pengecaman Gambar seperti jadual di bawah, iaitu:

#### Jadual 4

##### Penentuan Tahap Skor Markah Dalam Ujian Pengecaman Gambar

Skor	Tahap	Bilangan Subjek Kajian
66 hingga 100 markah	Tinggi	2 orang subjek kajian
34 hingga 65 markah	Sederhana	2 orang subjek kajian
0 hingga 33 markah	Rendah	3 orang subjek kajian

Berdasarkan Jadual 4, dua orang subjek kajian didapati memperoleh skor tahap tinggi, iaitu antara 66 hingga 100 markah, manakala dua orang subjek kajian mendapat tahap sederhana dengan memperoleh antara 34 hingga 65 markah. Bakinya, seramai tiga orang subjek kajian mendapat skor markah tahap rendah, iaitu antara 0 hingga 33 markah. Perbincangan berikutnya berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Bahasa Melayu Kanak-Kanak Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Penguasaan bahasa kanak-kanak peringkat umur 3 hingga 5 tahun dipengaruhi pelbagai faktor. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak terdiri daripada faktor persekitaran, media sosial, motivasi, percakapan hadapan khalayak dan pelbagai aktiviti kanak-kanak. Perbincangan seterusnya akan berfokus kepada faktor-faktor tersebut, iaitu:

##### Persekitaran

Perbendaharaan kata kanak-kanak akan berkembang secara semula jadi apabila mereka mendengar atau didedahkan dengan satu-satu perkataan secara berulang-ulang. Perbendaharaan kata kanak-kanak juga berkembang melalui proses membaca. Proses membaca melibatkan proses pengecaman kata yang berlaku di dalam otak. Pengecaman dijalankan berdasarkan kepada kaedah fonetik yang melibatkan penaksiran bunyi yang disebabkan oleh satu huruf tertentu atau gabungan huruf. Selain itu, proses membaca juga melibatkan proses kefahaman, iaitu proses yang berjalan selepas proses pengecaman bagi memahami makna melalui pengalaman yang diperoleh. Proses pembacaan serangkap ayat, frasa dan perkataan juga melibatkan pengaktifan daya ingatan yang membenarkan pembaca untuk memahami makna perkataan melalui pencarian makna atau *semantic priming*, iaitu makna perkataan akan disimpan di seluruh otak dalam satu rangkaian. Penemuan perkara baharu semasa proses pembacaan akan menyebabkan pembaca bertindak membina model mental berkait dengan perkataan tersebut dengan bantuan model-model yang sedia ada atau skemata pembaca yang sedia ada wujud dalam ingatan kanak-kanak. Hasilnya, kanak-kanak ini dapat menyebut benda-benda yang ditunjukkan dengan betul.

Pertuturan kanak-kanak juga dipengaruhi oleh komunikasi semasa berada di rumah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan ibu Subjek 1, anaknya yang berumur 4 tahun sangat keletah berbicara. Subjek 1 pula merupakan anak kelima dalam keluarga. Telatahnya boleh diperhatikan melalui video-video yang dirakam oleh ibunya setiap kali dia ingin berhubung dengan orang dewasa yang dikenalnya, sama ada menggunakan *remote aircond* atau gagang telefon di rumahnya yang sudah tidak berfungsi lagi. Jika subjek kajian berjaya menggunakan telefon bimbit ibu atau ayahnya, subjek kajian akan menelefon kakak sepupu atau bapa saudaranya secara langsung. Dalam kajian ini, kebanyakan ahli keluarga subjek kajian bercakap menggunakan bahasa Melayu. Situasi ini mempengaruhi subjek kajian yang juga turut menggunakan bahasa tersebut untuk berinteraksi. Ahli keluarga juga merupakan salah satu elemen persekitaran khusus yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan emosi kanak-kanak. Ahli keluarga merupakan individu yang berada dalam persekitaran terdekat seseorang kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran yang dibentuk oleh ahli keluarga, sama ada positif atau negatif akan memberikan kesan kepada kanak-kanak (Noralina Omar, 2018). Oleh itu, ahli keluarga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan kanak-kanak menguasai perkataan-perkataan asas dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan seharian.

### Media Sosial

Pemerolehan bahasa ialah proses manusia memperoleh keupayaan untuk mengamati dan memahami bahasa dan menghasilkan serta menggunakan perkataan dan ayat untuk berkomunikasi dengan orang lain. Pemerolehan bahasa juga merupakan perkembangan bahasa manusia dan kebiasaannya dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Budaya manusia ditentukan oleh geografi atau persekitarannya. Selain pengaruh alam sekitar, Chomsky (2006) juga menjelaskan terdapat alat pemerolehan bahasa dalam otak yang berkembang dan mencapai kematangan, kemudian mula merosot pada sekitar usia 12 tahun. Oleh itu, apabila mencapai usia 12 tahun, perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut dikatakan pada peringkat yang kritikal. Hal ini memberikan dimensi tambahan kepada pemerolehan bahasa dan memperlihatkan kepentingan pemerolehan bahasa berbanding dengan pembelajaran bahasa. Secara signifikannya, terdapat kebarangkalian yang tinggi untuk seseorang individu itu mencapai tahap kecekapan linguistik yang sempurna berdasarkan pemerolehan bahasa awal sejak mereka lahir.

Pemerolehan bahasa kanak-kanak bukan sahaja dipengaruhi oleh persekitaran terdekat mereka, iaitu ibu bapa, adik-beradik dan rakan sebaya malahan media turut memainkan peranan penting dalam pembentukan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Faktor ini diperkukuhkan melalui hasil temu bual penyelidikan bersama dengan bapa Subjek 2 dan ibu Subjek 5. Media sosial telah menjadi sebahagian alat penting dalam rutin harian kanak-kanak ini. Dalam kajian yang dilakukan oleh Merdin dan Sahin (2023) berkaitan persekitaran media digital kanak-kanak yang berusia sehingga enam tahun, ketersediaan peranti digital adalah sebanyak 98.3% untuk televisyen, 93.2% untuk telefon pintar, 63.3% untuk komputer tablet dan 62.9% untuk komputer (*desktop* atau *laptop*). Dapatan temu bual yang telah dijalankan dengan bapa Subjek 2 didapati bahawa pengaruh bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris amat mudah meresap masuk ke dalam diri anak-anak yang berumur 3 hingga 5 tahun. Hal ini terbukti apabila bapanya memperkenalkan jenis-jenis sayur yang terdapat di dapur rumah mereka. Subjek 2 telah menamakan nama-nama benda yang ditunjukkan dalam bahasa Inggeris seperti perkataan cendawan dan Subjek 2 telah menyebutnya sebagai *mushroom*. Menurut bapanya, perkataan dalam bahasa Inggeris sering digunakan dan lebih mudah disebut berbanding sebutan dalam bahasa Melayu. Subjek kajian berusia lima tahun juga sukar menyebut perkataan dengan tiga suku kata, iaitu *cen/da/wan/*. Hal ini disebabkan oleh pengaruh media sosial TikTok dan YouTube yang selalu ditontonnya dalam bahasa Inggeris. Interaksi bersama dengan abang sulungnya amat terhad kerana abangnya seorang autisme.

Dapatan daripada temu bual juga menunjukkan ibu bapa tidak pernah mendedahkan anak mereka dengan rancangan-rancangan televisyen dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Hal ini menjadikan anak mereka tidak berminat belajar bahasa Melayu dan hanya didedahkan dengan bahasa Melayu semasa pembelajaran bahasa Melayu guru-guru di tadika sebelum PKP. Jangka masa subjek kajian menonton rancangan televisyen ialah selama empat hingga enam jam. Bapa Subjek 2 menjelaskan bahawa anak sulungnya sudah didaftarkan di prasekolah swasta di Selangor. Anaknya sudah mengenal huruf sebelum ini. Oleh kerana PKP dijalankan dan kelas diadakan secara dalam talian, anaknya kurang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Kesan PKP telah memberikan ruang dan peluang kepada anaknya untuk lebih belajar sendiri melalui YouTube, TikTok atau rancangan-rancangan yang diminatinya. Subjek kajian hanya berpeluang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu semasa bersama sepupunya. Dapatan ini amat berbeza dengan Subjek 4 yang berumur 2 tahun 8 bulan. Sejak berumur 1 tahun 6 bulan lagi, banyak perkataan *bombastik* dalam bahasa Melayu telah dikuasainya kerana subjek kajian ini sering didedahkan dengan proses menghasilkan video-video pendek seperti *TikTok*. Tambahan pula, ibu Subjek 4 menjalankan perniagaan secara dalam talian. Subjek kajian ini mudah menguasai bahasa Melayu kerana ibunya tidak memberikan peluang untuk menggunakan telefon atau peranti yang lain untuk mengisi masa lapang.

Bagi perkembangan kognitif kanak-kanak berkaitan dengan penghuraian dan pemahaman, cara-cara kemampuan intelektual kanak-kanak dan pengetahuan daripada dunia berubah melalui tahap perkembangan. Tidak dinafikan bahawa ingatan kanak-kanak bergantung kepada pelaksanaan keupayaan dan cara kanak-kanak berfikir. Ingatan merupakan proses utama dalam perkembangan kognitif kana-kanak. Kesannya, kanak-kanak mengalami peningkatan pada masa skrin, gangguan tidur dan penurunan aktiviti fizikal semasa PKP. Dapatan ini selari kajian Merdin & Sahin (2023) yang menyatakan bahawa sepanjang PKP yang lalu, persekitaran media digital kanak-kanak yang berusia sehingga enam tahun melibatkan ketersediaan peranti digital dan membantu dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak-kanak.

### Motivasi

Faktor motivasi juga merupakan faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini dapat dilihat berdasarkan dapatan temu bual oleh ibu kepada Subjek 3. Ibu Subjek 3 merupakan seorang berbangsa Punjabi dan sering bercakap menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Hal ini disebabkan oleh pengalamannya dibesarkan dalam kalangan masyarakat Melayu di kampung. Semasa PKP dilaksanakan, anaknya yang berumur empat tahun tidak dapat ke tadika. Setiap hari Subjek 3 akan duduk bersama-sama dengan datuk dan neneknya menonton filem-filem Hindustan. Subjek 3 mula terdedah dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Punjabi, bahasa Hindustan dan bahasa Tamil sepanjang berada di rumah. Walaupun ibu Subjek 3 sering mendedahkan dan bertutur menggunakan bahasa Melayu, namun semasa temu bual dijalankan secara dalam talian, hampir separuh daripada gambar yang ditunjukkan kepada Subjek 3 disebut dalam bahasa Punjabi. Pengaruh bahasa ibunda dan persekitaran mudah meresap dalam diri anak-anak yang berumur 3 hingga 5 tahun kerana mereka mendengar perkataan-perkataan tersebut dituturkan setiap hari. Berdasarkan Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Normal, kanak-kanak pada peringkat ini kanak-kanak sudah boleh bercakap perkara yang abstrak atau perkara-perkara yang berlaku pada masa hadapan. Kebiasannya, kanak-kanak tidak menghadapi masalah untuk menyebut perkataan-perkataan bagi kata nama am yang wujud di persekitaran mereka.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mhd. Amn Arshad & Vijayaletchumy Subramaniam (2006). Bahasa kanak-kanak juga diperolehi melalui peniruan bahasa lisan yang diujarkan oleh ibu bapa atau individu yang berada rapat dengan mereka. Sepanjang PKP dilaksanakan, kanak-kanak yang duduk di rumah akan turut sama-sama melakukan aktiviti yang dilakukan oleh keluarganya seperti menonton filem, contohnya filem-filem Hindustan. Walaupun ujaran-ujaran tersebut tidak pernah didengarnya daripada ibu bapa mereka, konsep peniruan tetap wujud jika mereka didedahkan dengan bentuk bahasa tersebut. Subjek 3 contohnya, sepanjang PKP telah tinggal di dalam sebuah rumah bersama-sama dengan datuk dan neneknya. Pelbagai bahasa yang didengar oleh mereka menyebabkan subjek kajian menjawab gambar-gambar kata nama bagi benda, kenderaan dan sayur-sayuran dalam bahasa Punjabi. Walaupun pada peringkat usia empat tahun, subjek kajian sepatutnya sudah boleh membina ayat dengan empat hingga lima patah perkataan, namun disebabkan PKP kanak-kanak ini telah terpengaruh dengan bahasa asing (selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) yang telah digunakan oleh ahli keluarganya.

### **Aktiviti Harian**

Ibu Subjek 4 merupakan mantan pegawai di salah sebuah bank di Malaysia. Disebabkan perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, beliau terpaksa menjalankan perniagaan dari rumah. Subjek kajian ini menunjukkan tahap penguasaan kata nama yang paling tinggi berbanding dengan subjek kajian yang lain. Jika dibandingkan dengan Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Normal, kanak-kanak ini sememangnya telah melepasi dua tahap daripada umurnya. Latihan awal yang telah diberikan oleh ibunya melalui platform TikTok merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Subjek 4 menguasai semua gambar kata nama bagi kenderaan, buah-buahan, sayur-sayuran, benda dan haiwan dengan tepat dan betul. Aktiviti harian ini lebih bersifat peribadi kerana kanak-kanak berkongsi hal peribadi mereka dengan pemilik akaun media sosial lain. Contohnya, video-video pendek yang telah dikongsikan oleh ibu Subjek 4 menunjukkan anaknya akan bercakap menggunakan ayat-ayat yang pendek berkaitan dengan nama, umur, nombor telefon ibunya, sesuatu objek seperti basikal barunya, haiwan kesayangan di rumah, simulasi menyediakan makanan kegemarannya dan aktiviti pada waktu petang sepanjang PKP. Lama-kelamaan, anaknya sudah terbiasa bercakap dalam ayat yang lebih panjang serta boleh berkomunikasi dengan sepupunya menggunakan telefon dan berkomunikasi dengan anak-anak jiran tetangganya sepanjang pandemik COVID-19 yang lalu. Aktiviti sebegini bukan sahaja boleh membantu membentuk keyakinan diri, menambah kosa kata, dan menggalakkan kanak-kanak membina imaginasi serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi di khalayak ramai.

### **Bermain**

Sepanjang pandemik COVID-19 juga PKP telah mengubah norma kehidupan kanak-kanak. Masa bermain dan berseronok telah digantikan dengan permainan video. Kanak-kanak terdedah dengan penggunaan telefon, komputer dan media digital sehingga menyebabkan anak-anak mudah terpengaruh dengan cerita-cerita yang ditonton oleh mereka. Dapatan kajian ini telah menolak pandangan di atas kerana bagi ibu Subjek 4 mempunyai cara yang berbeza dalam memberikan pendedahan awal bahasa kepada anak-anaknya. Subjek 4 menyatakan bahawa aktiviti bermain merupakan satu prinsip utama dalam pendidikan awal kanak-kanak yang membolehkan kanak-kanak memperoleh pelbagai pengalaman. Semasa bermain, kanak-kanak belajar untuk berinteraksi dengan kanak-kanak lain maka berlaku pelbagai bentuk pertukaran kosa kata (Machado, 2016). Hal ini selari dengan kajian Zainiah Mohamed Isa et al. (2021) yang menyatakan bahawa kosa kata lebih diperolehi semasa melakukan permainan fizikal, sama ada dalam bentuk tindakan atau perbuatan. Peluang untuk kanak-kanak mengembangkan bahasa dan komunikasi berlaku semasa bermain di dalam atau di luar rumah kerana kemahiran bertutur berlaku secara spontan. Oleh itu, keluarga Subjek 4 telah mengambil inisiatif dengan membelikan permainan untuk anak-anak mereka. Daripada temu bual

yang telah dijalankan, ibu dan bapa subjek kajian sanggup berjimat cermat untuk membelikan alat permainan seperti yang ada di taman permainan sebenar untuk memberikan peluang kepada anak-anaknya bermain semasa PKP yang lalu.

### **Membaca Buku**

Kanak-kanak yang kerap dibacakan buku mempunyai perbendaharaan kata dan tahap kefahaman yang lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang kurang didedahkan dengan pembacaan buku. Kajian Van Druten-Frietman et al. (2016) menunjukkan bahawa gabungan antara pembacaan buku cerita dengan aktiviti pembelajaran dapat memberikan kesan terhadap perbendaharaan kata kanak-kanak, terutamanya perbendaharaan kata ekspresif. Hal ini kerana bacaan berdialog menggalakkan kanak-kanak bercakap dengan menyuarakan pendapat dan idea mereka semasa sesi pembacaan buku cerita. Dalam kajian ini, Subjek 6 terdiri daripada kanak-kanak perempuan yang sangat pemalu dan kebanyakan gambar yang ditunjukkan kepadanya akan dijawab dengan jawapan “tidak tahu”. Jawapan bagi gambar haiwan juga kesemuanya dijawab dalam bahasa Inggeris dan banyak nama haiwan yang tidak dikenalnya. Menurut bapanya, anaknya sukar memberikan maklum balas kepada soalan yang ditanya oleh orang dewasa kecuali gurunya. Jika anaknya ke sekolah, kanak-kanak tersebut akan bermain dengan rakan-rakan sebayanya kerana mereka kesemua rakan juga bertutur menggunakan bahasa Inggeris. Jika dibandingkan dengan Carta Perkembangan Bahasa Dan Pertuturan Normal, kanak-kanak ini sudah boleh membandingkan objek, orang dan benda-benda di sekelilingnya. Subjek 6 juga sepatutnya sudah boleh memberikan lebih daripada satu maksud bagi 1000 perbendaharaan kata sewaktu umurnya tiga tahun. Pada tahap umur lima tahun juga, Subjek 6 juga sudah boleh bercerita.

### **Bahasa Kedua**

Setiap bayi yang telah lahir ke dunia ini sudah memiliki keupayaan khusus untuk berbahasa yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk lain. Teori Chomsky ini dikenali sebagai Hipotesis Nurani. Krashen (1985) pula menyatakan pandangan yang berbeza tentang pemerolehan bahasa dengan pembelajaran bahasa. Beliau menggunakan istilah pemerolehan untuk bahasa pertama dan bahasa kedua. Menurut Krashen (1985), proses pemerolehan bahasa pertama dan bahasa kedua dipelajari secara bawah sedar. Beliau menjelaskan bahawa semasa pemerolehan bahasa berlaku, seseorang tidak menyedari bahawa mereka sedang mempelajari bahasa. Dengan kata lain, pemerolehan bahasa berlaku ketika seseorang sedang berkomunikasi secara semula jadi tanpa memikirkan rumus-rumus bahasa. Proses ini berbeza dengan pembelajaran bahasa yang merupakan proses untuk memahami struktur atau sistem bahasa kedua.

Pandangan Krashen (1985) ini bertepatan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak Subjek 7 kerana bahasa Melayu dipelajari secara formal. Walau bagaimanapun, dalam situasi pandemik COVID-19 mereka tidak dapat ke sekolah sehingga menyebabkan kanak-kanak ini belajar sendiri dengan bantuan kakak dan ibunya yang sibuk dengan urusan kerja dan peribadi. Ibu bapa mereka mengakui bahawa mereka tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Bahasa komunikasi di rumah mereka hanyalah bahasa Mandarin. Anak-anaknya hanya mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah. Mereka mempelajari bahasa Melayu apabila komunikasi dengan guru-guru dan juga rakan-rakan berbangsa Melayu. Kajian ini selari dengan dapatan Syaprizal (2019) yang mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak pada usia 0 hingga 6 tahun menjadi lebih mudah apabila mereka mendengarnya daripada orang di sekeliling. Faktor biologi dan kognitif bagi kanak-kanak 0-6 tahun pula masih berkembang. Ketika mereka sedang menguasai bahasa, sering berlaku penambahan dan pengurangan pengucapan kata. Hal ini merupakan perkara yang positif dan akan bertambah baik seiring dengan waktu sehinggalah kanak-kanak menjadi matang dan dewasa dari segi biologi dan kognitif.



Hasil temu bual dengan ibu Subjek 7 yang merupakan kanak-kanak berbangsa Tionghoa mendapati kanak-kanak ini boleh mengenal huruf, namun sebutannya dalam bahasa Melayu masih belum mantap. Keadaan menjadi getir disebabkan semasa pandemik, kanak-kanak tidak belajar sepenuhnya secara bersemuka di sekolah. Tegas ibunya, kelas secara dalam talian kurang berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu anaknya. Hal ini kerana kanak-kanak tidak memahami perkara yang dituturkan oleh guru yang mengajar bahasa Melayu. Masalah liputan internet yang kurang baik menyebabkan anak-anaknya tidak suka belajar secara dalam talian. Menurut ibunya, abang dan kakaknya subjek kajian juga berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Jika dibandingkan dapatan dengan Carta Perkembangan Bahasa dan Pertuturan Kanak-Kanak, Subjek 7 yang berumur 5 tahun ini tidak dapat menyebut perkataan yang mempunyai sebutan /s/. Dalam Ujian Pengecaman Gambar, subjek kajian telah menyebut perkataan kubis sebagai *kubi* dan *suka sangat* kepada *tuka tangat*. PKP turut memberikan impak positif kepada kanak-kanak yang berumur antara 3 hingga 5 tahun kerana ibu bapa mempunyai banyak masa bersama-sama dengan anak-anak di rumah serta dapat memberikan pendedahan awal kepada bahasa seperti memperkenalkan objek-objek di persekitaran mereka.

### Kesimpulan

Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa penularan wabak COVID-19 menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menjalani kehidupan sebenar. Gaya hidup kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun juga berubah. Akibat tinggal terlalu lama di rumah, kanak-kanak juga banyak terdedah kepada media digital sehingga menjejaskan pemerolehan bahasa pertama. Selain kesan negatif, terdapat juga kesan positif daripada PKP yang menyebabkan kanak-kanak prasekolah didedahkan dengan suasana pembelajaran canggih dan berteknologi tinggi. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penguasaan perkataan bagi golongan kata nama bahasa Melayu kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun sukar dikenal pasti kerana tiada pembahagian antara peringkat bahasa bayi dengan peringkat bahasa kanak-kanak prasekolah. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berbeza walaupun umur mereka sama. Pemerolehan bahasa biasanya merujuk kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak. Bahasa pertama ini merupakan potensi lahiriah yang dimiliki oleh setiap kanak-kanak. Kesan PKP dan pengaruh daripada persekitaran menyebabkan kanak-kanak mengalami kecelaruan dalam mengecam benda-benda di persekitaran mereka. Walaupun kajian ini hanya memilih bilangan responden yang minimum, namun hasil kajian ini dapat memberikan gambaran fenomena yang akan berlaku semasa PKP. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses kedwibahasaan dan kecelaruan bahasa yang berlaku kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah menyebabkan bahasa Melayu semakin kurang dituturkan oleh generasi akan datang. Kajian yang berterusan bagi semua peringkat umur kanak-kanak perlu dilakukan bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. Sokongan daripada semua pihak diperlukan, terutamanya ibu bapa yang menjadi pejuang bahasa Melayu yang memulakan tugasnya dari rumah.

## Rujukan

- Azirah Ibrahim, Mohamad Azam Samsudin, Nur Farhana Abd Wahid, & Shu, B. Y. (2023). Implikasi gajet terhadap perkembangan sosial dalam pendidikan awal kanak-kanak. *Proceedings for the International Conference on Education, Islamic Studies, Social Sciences & Engineering* (pp. 98–107). Songkla, Thailand. [https://amrass.org.my/pdf/proceeding\\_iceisse\\_2023.pdf](https://amrass.org.my/pdf/proceeding_iceisse_2023.pdf)
- Blamey, K. L., & Beauchat, K.A. ( 2023). *Starting strong: Evidence-based early literacy practices*. Taylor & Francis.
- Brooks, S. K., Webster, R. K., Smith, L. E., Woodland, L., Wessely, S., Greenberg, N., & Rubin, G. J. (2020). The psychological impact of quarantine and how to reduce it: Rapid review of the evidence. *Lancet*, 395(10227), 912-920. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30460-8](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30460-8)
- Chomsky, N. A. (1970). Remarks on nominalization. In R. A. Jacobs, Roderick & P. S. Rosenbaum. (eds.) *Reading in English transformational grammar* (pp. 184-221). Waltham, MA.
- Herberg, J., McLaughlin, T. F., Derby, K. M., & Weber, K. P. (2012). The effects of repeated readings and flashcard error drill the reading accuracy and fluency with rural middle school student with learning disabilities. *Academic Research International*, 2(3), 388-393. <http://www.savap.org.pk/>
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, & Mazlina Che Mustafa (2021). Indikator Kemahiran Literasi Awal (IKLA) bagi kanak-kanak berumur 3+ hingga 4+ tahun. *International Innovation, Design and Articulation (i-IdeA)*, 1 (2021), 541-553. [https://www.researchgate.net/publication/351658274\\_Indikator\\_Kemahiran\\_Literasi\\_Awal\\_IKLA\\_bagi\\_Kanak-kanak\\_berumur\\_3\\_hingga\\_4\\_Tahun](https://www.researchgate.net/publication/351658274_Indikator_Kemahiran_Literasi_Awal_IKLA_bagi_Kanak-kanak_berumur_3_hingga_4_Tahun)
- Khadijah Khalid (2021, Mac 4). *Perkara-perkara penting yang anda perlu tahu tentang anak yang lewat bercakap*. <https://www.realisationoutreach.com/post/perkara-perkara-penting-yang-anda-perlu-tahu-tentang-anak-yang-lewat-bercakap>
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis*. Longman.
- Levin, H. & Opsahl, M. K. (2022). *Trending: A new way of language learning students' language acquisition through TikTok*. [Unpublished Master's Thesis]. University of South-Eastern Norway. <https://openarchive.usn.no/usnxmlui/bitstream/handle/11250/3013901/no.usn%3Awiseflow%3A6590860%3A50817271.pdf?sequence=1&isAllowed=y>
- Lonigan, C. J., Allan, N. P., & Lerner, M. D. (2011). Assessment of preschool early literacy skills: Linking children's educational needs with empirically supported instructional activities. *Psychology in the Schools*, 48(5), 488-501. <https://doi.org/10.1002/pits.20569>.
- Machado, J. M. (2016). *Early childhood experiences in language arts*. Cengage Learning.
- Merdin, E., & Sahin, V. (2023). Young children's electronic media use and parental rules and regulations. *Journal of Learning and Teaching in Digital Age*, 8(2), 187-196. <https://doi.org/10.53850/joltida.1138481>

- Mohd. Amn Arshad, & Vijayaletchumy Subramaniam. (2006). Pemerolehan morfologi dan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada peringkat menjelang tatabahasa dewasa. *Jurnal Bahasa*, 6 (4), 581-609.
- Nora'azian Nahar & Nurul Jamilah Rosly. (2022). Kaedah pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli (OA) Jakun, di SK Kampong Bahru, Lenga, Johor Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 23 (2022), 123-135. <https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-10>
- Noralina Omar. (2018). *Kesejahteraan hidup kanak-kanak*. Penerbit Universiti Malaya.
- Syaprizal, M. P. (2019). Proses pemerolehan bahasa pada anak. *Jurnal Al-Hikmah*, 1(2), 75-86. <https://doi.org/10.36378/al-hikmah.v1i2.213>
- Siti Arina Badli, & Suziyani Mohamed. (2021). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak di Tabika Kemas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 273-284. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15717>
- Tomasello, M. (2003). *Constructing a language: A usage-based theory of language acquisition*. Harvard University Press.
- Van Druten-Frietman, L., Strating, H., Desessen, E., & Verhoeven, L. (2016). Interactive storybook-based intervention effects on kindergarteners' language development. *Journal of Early Intervention*, 38(4), 212-229. <https://doi.org/10.1177/1053815116668642>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society*. MIT Press.
- Wan Norsaidatina Hasma Wan Nawang, Mohd Radzani Abdul Razak, Mohamad Firdaus Ahmad, & Siti Aida Lamat. (2021). Tahap penglibatan dalam aktiviti fizikal serta aktiviti sedentari pelajar semasa penularan COVID-19. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 10(1), 15-23. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol10.1.3.2021>
- Wortham, S. C., & Hardin, B. J. (2023). *Assessment in early childhood education* (8th ed.). Pearson Education.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustapha, Iylia Dayana Shamsudin, Juppri Bacotang, & Piragasam, G. A. G. (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 27-34. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>